



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	20/2/2012

# PM gagal laksana dasar liberalisasi ekonomi

**KUALA LUMPUR:** Penyenaraian Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd (FGV) menunjukkan kegagalan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak melaksanakan dasar liberalisasi ekonomi kerana tidak menerokai pelaburan baru bagi menjana pendapatan negara.

Perkara tersebut ditegaskan Ketua Penerangan PAS Pusat, Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man sewaktu di minta mengulas mengenai penyenaraian FGV oleh kerajaan.

Katanya, tindakan Najib yang mengambil Felda Plantations dengan menjadikan cagaran bukan satu usaha besar yang patut dilakukan oleh seorang Perdana Menteri dengan menggadaikan hak yang dimiliki rakyat khususnya kaum Melayu.

Jelasnya, PAS menentang penyenaraian tersebut kerana melihat ada sesuatu yang tersembunyi memandangkan penyenaraian tersebut terlalu drastik sehingga maklumat mengenainya tidak dijelaskan kepada peneroka, generasi

kedua dan ketiga Felda serta ahli-ahli dalam koperasi yang terlibat dalam penyenaraian tersebut.

"Kita melihat ada sesuatu yang tidak jelas dalam penyenaraian ini kerana ia akan membawa risiko besar terhadap tanah-tanah yang menjadi cagaran terhadap penyenaraian Felda ini. Pakatan Rakyat berjanji akan memberi tanah-tanah ini kepada rakyat berbanding dengan kerajaan mencagarkan tanah selama setahun kepada Felda Global Ventures," katanya sewaktu dihubungi *Harakah*.

Beliau yang juga Pesuruhjaya PAS Pahang berkata, di negeri-negeri yang diperintah Pakatan Rakyat seperti Kedah, Kelantan dan Selangor telah membuat keputusan tidak akan menyerahkan Felda Plantations kepada Felda Global Ventures.



**Tuan Ibrahim Tuan Man**

Jelasnya, sewaktu kepimpinan negara di bawah Tun Dr Mahathir, cubaan untuk penyenaraian ini pernah dibuat tetapi mendapat bantahan daripada rakyat dan peneroka.

"Pada zaman Najib ini sekali lagi cubaan tersebut dilakukan.

Memandangkan Pilihan Raya Umum

Ke-13 sudah semakin hampir dan Najib telah berjanji dalam peruntukan bajet di Dewan Rakyat, beliau begitu terdesak untuk membuat penyenaraian tersebut," katanya.

Katanya, PAS tetap membuat bantahan penyenaraian tersebut dan akan terus membuat permohonan injunksi di mahkamah kerana risiko amat besar terhadap tanah yang dimiliki Felda untuk dikuasai orang asing.

Tegasnya lagi, tidak mustahil suatu hari nanti hak Felda yang dimiliki orang Melayu akan terlepas ke tangan orang asing.